

29/10/1998

Perjelas langkah kawalan pertukaran mata wang

KERAJAAN diminta memberi penjelasan berhubung asas yang digunakan dalam langkah kawalan pertukaran mata wang seperti menetapkan kadar RM3.80 bagi setiap dollar Amerika Syarikat.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) juga meminta kerajaan menjelaskan kemungkinan mahu menguatkuasakan langkah kawalan yang sama terhadap mata wang dunia lain yang juga memberi pengaruh besar terhadap sistem kewangan dunia seperti Yen Jepun dan mata wang tunggal Eropah, Euro Dolar.

"Mengapa kadar RM3.80 ditetapkan, bukan RM3.50 atau RM2.80? Adakah RM3.80 itu adalah nilai sebenar asas fundamental mata wang kita berbanding dolar Amerika Syarikat?" tanyanya membahaskan Belanjawan 1999.

"Kerajaan juga perlu mengumumkan senarai nama syarikat, agihan pembiayaan serta rasional 'menyelamatkan' syarikat bermasalah seperti yang ditetapkan melalui Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Lapuk Syarikat yang mempunyai peruntukan RM5.5 bilion kepada 23 syarikat.

"Langkah menyelamatkan syarikat gergasi seperti Renong mestilah tidak memberi tekanan kepada sistem kewangan dan perbankan tempatan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga tidak harus menumpukan usaha menyelamatkan syarikat besar saja sebaliknya perlu bertindak adil bagi membantu syarikat kecil yang juga dianggap tulang belakang pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, Chang See Ten (BN-Gelang Patah), berkata kerajaan perlu meneruskan usaha menggesa masyarakat dunia mengenakan sekatan tertentu terhadap perdagangan mata wang.

"Sudah ada tanda menunjukkan masyarakat dunia mulai sedar apa yang didedahkan Dr Mahathir di Hong Kong tahun lalu berhubung kegiatan spekulator adalah benar," katanya.

(END)